

# **BAB KEEMPAT**

## **BAB KEEMPAT**

### **KAJIAN KES KAUNSELING DAN DAKWAH**

Bab ini memperihalkan tentang pendekatan kaunselor dalam menangani masalah pelajar dan hubungannya dengan dakwah. Untuk menjelaskan perkara ini, penulis meneliti teknik serta pendekatan yang digunakan oleh kaunselor dalam usahanya membantu menyelesaikan masalah pelajar. Kaedah temuduga, kajian kes dan soal selidik pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling digunakan untuk kajian ini.

Dalam usaha membantu menangani masalah pelajar, banyak kes-kes telah dikemukakan di UKK. Kes-kes tersebut meliputi masalah peribadi biasanya melibatkan klien itu sendiri dan kes-kes yang bukan berbentuk peribadi seperti maklumat, akademik, kerjaya, biasiswa dan melanjutkan pelajaran. Kes-kes yang berbentuk seperti ini biasanya mudah diselesaikan kerana klien sering kali datang untuk mendapatkan berbagai maklumat yang bermanfaat kepada diri mereka dan mereka boleh membuat keputusan sendiri. Manakala kes-kes yang berbentuk peribadi pula, biasanya ia lebih berkait rapat dengan permasalahan dalam diri klien seperti masalah kejutan budaya, masalah pergaulan, kekeluargaan, sikap memilih kerjaya dan sebagainya.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Temuduga dengan Pn. Zaiton bte Hj. Ahmad di pejabatnya pada 28.10.1995. Beliau adalah Pegawai Bimbingan dan Nasihat di Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) ITM Shah Alam.

Masalah ini secara langsung atau tidak secara langsung akan mempengaruhi prestasi akademik pelajar-pelajar. Masalah ini ada hubung kait di antara satu sama lain. Maka timbulah *stress* (tekanan) dan kegelisahan di kalangan diri pelajar. Sekiranya tidak diatasi lebih awal ini menyebabkan pelajar berada di dalam keadaan tertekan. Kadangkala masalah ini boleh mengganggu pembelajaran mereka. Di sinilah kaunselor memainkan peranannya berusaha membantu pelajar dalam perkembangan diri mereka. Seorang kaunselor yang perihatin dan simpati terhadap permasalahan dan keperluan pelajar dapat membantu mereka.<sup>2</sup>

#### **4.1 KAJIAN KES MASALAH PELAJAR**

##### **4.1.1 Masalah Pergaulan: Pelajar A**

Klien ini adalah seorang pelajar lelaki beragama Islam sedang menuntut di Semester 3 Kajian Undang-Undang dan Pentadbiran Awam (DPA), Institut Teknologi MARA Shah Alam. Pelajar ini menemui kaunselor bertujuan untuk mendapatkan rawatan perubatan. Pada awalnya ia telah menceritakan tentang bagaimana ia telah pergi ke klinik untuk mendapatkan rawatan. Secara tiba-tiba telah menceritakan masalah lain. Hal ini setelah kaunselor bertanya

---

<sup>2</sup>*Ibid.*

mengenai pelajarannya. Dia telah memberitahu bagaimana ia benar-benar berminat untuk menjadi seorang peguam dan merasa bertuah kerana dipilih memasuki ITM.

Dalam perbualan tersebut, dia memberitahu kaunselor bahawa dia merasakan begitu sukar untuk mendapatkan kawan sehingga dia mengatakan, "saya tidak tahu hendak berbuat apa-apa kerana orang lain tidak mahu berkawan dengan saya". Dia juga merasakan apabila dia berada di dalam kumpulan bersama-sama dengan kawan-kawan dia tidak diindahkan oleh kawan-kawannya. Lantaran itu dia merasakan tidak mempunyai kawan yang dapat menerima untuk berkongsi perasaan dan pengalaman serta mencerahkan rintihannya dengan selamat.

Sebagai langkah untuk membentuk klien ini, kaunselor telah menggunakan pendekatan Pemusatkan Klien,<sup>3</sup> Rasional Emosi Teori dan Pendekatan Gestalt.<sup>4</sup> Perkara-perkara pokok yang dibincangkan termasuklah cara-cara membina hubungan dengan orang lain, tingkahlaku yang sesuai dan wajar dalam pergaulan dan dia mendapati tindak balas daripada kawan-kawannya telah meningkat. Kini dia telah berkemampuan untuk bersama-

---

<sup>3</sup>Teori Rasional Emosi Terapi (RET) ini diperkenalkan oleh Albert Ellis pada tahun 1962. Teori ini lebih menumpukan bahawa manusia itu mempunyai kemampuan dan kebolehan.

<sup>4</sup>Pendekatan Gestalt ialah satu teori yang diperkenalkan oleh Frederick Perls. Dalam proses ini kaunselor membantu kliennya meneroka pertahanan diri dari perasaan waktu itu. Lihat: Amir Awang, *Teori Dan Amalan Psikoterapi*, Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, 1987, hal. 62.

sama dengan kawan-kawannya. Dia mula merasakan bahawa dia telah diterima oleh kawan-kawannya. Kepada kaunselor pelajar ini telah mula berkembang sahsiahnya. Dia telah menamatkan proses kaunseling setelah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan kaunselor. Hasil pertemuan tersebut ada satu peningkatan pada dirinya. Kini pelajar tersebut telah tamat pengajiannya dan berjaya menjadi seorang peguam yang berjaya.

#### **4.1.2 Masalah Akademik: Pelajar B**

Klien ini adalah seorang pelajar siswa semester 2 dari kursus Perakaunan. Masalah yang dihadapinya ialah mengenai prestasi akademiknya yang tidak memuaskan. Pelajar ini telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang cemerlang tetapi keputusan peperiksaannya tidak memuaskan. Menurut keterangannya, pelajar ini belajar mengikut perasaannya dengan menumpukannya perhatian terhadap pelajaran yang mudah sahaja dengan meinggalkan pelajaran yang sukar difahami.

Untuk mengatasi masalah pelajar ini, kaunselor telah menggunakan Teknik Pembelajaran Secara Berkesan. Di sini kaunselor berbincang dengan pelajar bagaimana untuk mencapai prestasi cemerlang di dalam akademik.<sup>5</sup>

---

<sup>5</sup>Temuduga dengan En. Mohd bin Adnan pada 2hb. Oktober 1995. Beliau adalah Pegawai Bimbingan dan Nasihat (Kaunselor) Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

Tindakan kaunselor berbincang dengan pelajar ini secara bersemuka merupakan salah satu usaha yang baik yang memang dituntut di dalam Islam.<sup>6</sup>

Melalui perbincangan dengan cara yang baik pelajar tersebut bersetuju untuk membuat jadual belajar mingguan dan mematuhiinya dengan baik. Dia juga menentukan mana-mana mata pelajaran yang mudah difahami mengikut tahap kesusahannya.

Pelajar ini bersetuju untuk membuat jadual belajar mingguan dan mematuhiinya dengan baik. Dia juga dapat menentukan mana-mana mata kuliah yang mudah difahami mengikut tahap kesusahannya. Mata kuliah yang susah akan diberi tumpuan yang lebih. Dengan bimbingan ini, pelajar tersebut bersetuju untuk menemui kaunselor semula pada mingguan berikutnya untuk menilai pencapaiananya berdasarkan kepada jadual yang diberikan kepadanya.

Kesan daripada pertemuan serta perbincangan di antara kaunselor dengan pelajar bahawa pelajar tersebut telah menyatakan rasa puas hati dan yakin akan dapat meningkatkan prestasi akademiknya. Pada pertemuan terakhirnya, pelajar ini telah menemui kaunselor dan menyatakan bahawa keputusan peperiksaannya memuaskan.

---

<sup>6</sup>Al-Qur'an surah al-Nahl ayat: 125.

Pada pertemuan ini, kaunselor memberikan pandangan dan menyarankan kepada klien dalam menuntut ilmu hendaklah sentiasa mengingati Allah (s.w.t) dan mengabdikan diri kepadaNya walau di mana kita berada. Ini bertujuan untuk menyuburkan rohani dan menimbulkan ketenangan dalam jiwa, membuang kesusahan hati dan keluh kesah yang menjadi halangan utama kepada pembersihan jiwa. Sesungguhnya mengingati Allah (s.w.t) merupakan cara yang berkesan untuk mencapai tujuan tersebut.<sup>7</sup>

Mengingati Allah (s.w.t) adalah salah satu dari kesan-kesan iman. Ianya menjadi santapan rohani dan menimbulkan ketenangan jiwa. Ini diakui oleh Allah (s.w.t) dalam firman-Nya:<sup>8</sup>

الَّذِينَ إِمْنَوْا وَنَظَمُوا فَلَوْلَاهُمْ يَذْكُرُ اللَّهَ  
أَلَا يَذْكُرُ اللَّهُ تَعَالَى قُلُوبُهُمْ مُّنْقُلَّةٌ

Maksudnya:

“(Itu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hatinya dengan mengingati Allah (s.w.t). Ketahuilah! Dengan mengingati Allah (s.w.t) itu, tenang tenteramlah hati manusia”

<sup>7</sup>Ali Khalil Abu Ainain, *Falsafah al-Tarbiyyah fi al-Qur'an al-Karim*, Dar al-Fikr, Kaherah, 1980, hal. 60-62.

<sup>8</sup>Al-Qur'an surah al-Ra'd, ayat: 28.

Mengingati Allah (s.w.t) juga merupakan satu cara bagi seseorang itu menghampirkan diri kepada Allah (s.w.t). Orang yang berzikir itu akan diberi ganjaran dan rahmat oleh Allah (s.w.t). Ia mempunyai kesan yang besar dalam pendidikan rohani. Seseorang yang mengingati Allah (s.w.t) dan mengagungi kebesaran-Nya, akan menjadikan hatinya tenang dan tenteram.

#### **4.1.3 Masalah Belajar Dengan Muzik: Pelajar C**

Seorang pelajar yang pencapaian akademiknya sangat memuaskan. Antara teknik yang digunakan ialah dengan mendengar radio dan kaset ketika mengkaji pelajaran. Ini memang kegemarannya. Tetapi lama kelamaan jiwanya tidak tenang dan membawa pendengarannya kurang baik. Ini membawa kepada gangguan fikirannya. Dia telah mengemukakan masalahnya kepada kaunselor bagaimanakah cara yang terbaik dalam masalah ini.

Dalam usaha membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar iaitu belajar memasang radio yang membawa kepada rasa tidak tenang di dalam jiwa.

Dalam msalah ini, kaunselor telah menjelaskan bahawa mendengar muzik bukananya cara yang terbaik untuk mendapat ketenangan jiwa. Sebab kepuasan yang dirasai itu adalah palsu dan bersifat sementara. Kepuasan jiwa yang hakiki itu ialah keyakinan, harapan dan penyerahan kepada Allah (s.w.t)

dengan sepenuhnya. Dan ia hanya akan terisi sebaiknya kalau kita mengingati Allah (s.w.t) yang kesannya sampai menenangkan hati.<sup>9</sup> Itulah yang Allah (s.w.t) janjikan di dalam firman-Nya:<sup>10</sup>

الَّذِينَ آمَنُوا وَطَمَّئِنُ فُلُوْبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ  
أَلَا يَنْضُرُ اللَّهُ تَعَالَى قُلُوبُ  


Maksudnya:

*“Iaitu orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati-hati mereka dengan mengingati Allah (s.w.t). Ketahuilah! Dengan mengingati Allah (s.w.t) itu, tenang tenteramlah hati manusia”*

Sehubungan dengan itu, kaunselor memberikan cara dan cadangan yang terbaik untuk mencapai rasa ketenangan yang hakiki. Di antaranya adalah sebagai berikut:

- a. Banyakkan membaca al-Qur'an dan terjemahannya, hadis dan juga buku-buku agama yang membawa ke arah pembentukan jiwa yang murni.

---

<sup>9</sup>Wawancara dengan En. Mohd bin Adnan pada 28hb. Oktober, 1995, di pejabatnya. Beliau adalah kaunselor Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

<sup>10</sup>Al-Qur'an surah al-Ra'd, ayat: 28.

- ii. Selalulah pergi ke majlis-majlis agama seperti ceramah, tazkirah, tahlil, usrah, seminar agama, kolokium, zikrullah dan qiamullail.
- iii. Elakkan mata dan telinga daripada melihat dan mendengar perkara-perkara yang tidak baik. Dengar keset yang ada kaitan dengan agama untuk meningkatkan roh Islam ke dalam jiwa.
- iv. Ingat akan mati kerana selalu mengingati mati akan melembutkan hati dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t).

Dengan penjelasan di atas, diharapkan anda dapat membuat pilihan sendiri untuk mengatasi masalah yang anda hadapi semoga Allah (s.w.t) memberikan taufiq dan hidayat dalam menempuh cabaran kehidupan seharian.

#### **4.1.4 Masalah Peribadi: Pelajar D**

Klien ini seorang pelajar perempuan Melayu beragama Islam dari kajian perhotelan. Klien ini datang menemui kaunselor dalam keadaan serba salah. Sebaik sahaja menemui kaunselor, dia menangis. Setelah keadaan kembali normal, dia pun meluahkan perasaannya kepada kaunselor. Masalahnya adalah sebagai berikut: "Bapanya hendak mengahwinkannya

dengan sepupunya yang telah datang melamarnya dan bapanya telah bersetuju untuk menerima lamaran tersebut. Klien itu tidak sukaan sepupunya kerana dia telah mempunyai lelaki pilihannya sendiri. Paksaan bapanya terlalu kuat sehingga tidak mahu mengaku klien itu sebagai anaknya”

Tindakan kaunselor adalah dengan menggunakan pendekatan Islam. Ini dalam masalah ini, kaunselor telah menggunakan pendekatan yang berlandaskan konsep Islam. Ini termasuklah perkara-perkara yang berhubung dengan ibu bapa dengan anak. Konsep ini dijelaskan supaya dapat difikir dan dibincangkan bersama-sama dengan klien itu. Beberapa saranan telah diberikan kepadanya di antaranya ialah mesti mentaati orang tua selagi tidak menyuruh kepada melakukan perkara-perkara maksiat. Saranan ini telah diterima oleh klien dan akan melaksanakannya dengan sewajarnya.<sup>11</sup>

Setelah melalui banyak empat sesi pertemuan, kaunselor mendapati bahawa klien ini telah jauh berbeza daripada pertemuannya pada pertama kali dahulu. Menurut keterangannya, dia telah membincangkan perkara itu dengan teman lelakinya, dan teman lelakinya bersetuju untuk melepaskannya. Ekoran dari itu juga, klien telah mula sedar tentang kesilapan yang telah dilakukan selama ini serta memikirkan tentang perlunya mentaati kedua ibu bapa. Tambahan pula teman lelakinya tidak lagi setia kepadanya yang mendorong

---

<sup>11</sup> Temuduga dengan Haji Abdul Hamid bin Kamaruddin di pejabatnya pada 2.10. 1995. Beliau adalah Pegawai Bimbingan dan Nasihat Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

klien tersebut untuk mengambil keputusan mengikut kehendak orang tuanya. Kini klien tersebut telah berumah tangga dengan sepupunya yang juga merupakan seorang yang berpendidikan tinggi.

#### **4.1.5 Masalah Keluarga: Pelajar E**

Klien/pelajar ini seorang pelajar perempuan dari kursus Sains Kesetiausahaan bangsa Melayu beragama Islam. Dia anak sulung dari keluarga yang mempunyai lima orang adik beradik. Bapanya telah meninggal dunia dan emaknya lari dari rumah sebelum bapanya meninggal dunia. Salah seorang adiknya terencat akal. Mereka ditanggung oleh datuk dan nenek yang bekerja sebagai penjaja.

Pelajar ini terpaksa pulang ke kampong setiap minggu untuk memerhatikan keluarganya. Kadang-kadang terpaksa mencari perbelanjaan untuk menyara keluarganya. Dengan keadaan demikian ia merasa satu bebanan yang mesti ditanggung olehnya. Ini menyebabkan prestasi akademiknya menurun. Dia mencari jalan untuk berjumpa dengan kaunselor untuk meminta khidmat nasihat kaunseling.

Kaunselor menerima klien ini dengan baik dan merasa simpati dengan masalah yang dihadapinya. Klien diminta menjelaskan apa yang menyebabkan dia berfikir bahawa dia mungkin gagal dalam peperiksaan yang akan datang.

Klien juga diminta menjelaskan perkara yang sebenar yang membawa kepada kebimbangan.<sup>12</sup>

Dalam usaha membantu menangani masalah klien ini, kaunselor berbincang serta menjelaskan kepada klien tentang bagaimana menghadapi cabaran hidup kerana hidup ini adalah cabaran. Dalam menghadapi cabaran hidup ini di antaranya ialah bersabar, bertaqwah, berusaha dan sentiasa beribadat kepada Allah (s.w.t) dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.<sup>13</sup>

Di samping itu juga kaunselor memberikan keyakinan kepada klien bahawa kejayaan akan tercapai sekiranya melaksanakan beberapa perkara yang disarankan. Kaunselor juga memberikan beberapa bentuk latihan yang boleh membawa rasa tenang dan menghilangkan rasa kebimbangan. Dalam usaha meningkatkan pencapaian prestasi akademik kaunselor juga memberikan beberapa teknik cara belajar yang efektif. Dengan bimbingan ini boleh mengukuhkan lagi keyakinan diri dan rasa bimbang akan hilang secara beransur-ansur.<sup>14</sup>

---

<sup>12</sup> Temuduga dengan Puan Aluyah bte Mohd. Ali di pejabatnya pada 28.10.1995. Beliau ialah Pegawai Bimbingan dan Nasihat Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

<sup>13</sup> Ibid.

<sup>14</sup> Ibid.

Kaunselor juga memberikan pandangan dari perspektif Islam tentang cabaran hidup yang merupakan ujian Allah (s.w.t) kepada mereka yang beriman. Tidak ada manusia yang hidup di atas muka bumi ini yang hidup di atas muka bumi ini yang tidak menghadapi ujian dan masalah. Ini dapat dibuktikan dengan firman Allah:<sup>15</sup>

وَلَنْ يَجُنُّكُمْ شَيْءٌ مِّنَ الْحَوْفِ وَالْجُوعِ  
وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالْحَرَثِ وَبَشِّرُ الصَّابِرِينَ

Maksudnya:

*“Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dari jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”*

Ayat di atas menjelaskan bahawa semua manusia di atas muka bumi ini tidak terlepas daripada ujian Allah (s.w.t). Ujian dan cubaan dari Allah (s.w.t) adalah perlu untuk mengukur kesempurnaan atau tidaknya iman seseorang itu.

Terdapat dua bentuk utama ujian ke atas manusia. Bentuk yang pertama ialah ujian dari aspek negatif iaitu berupa kesusahan atau keburukan

---

<sup>15</sup> Al-Quran, surah al-Baqarah, ayat: 155-157.

lainnya yang diterima manusia. Kita melihat bahawa kesusahan dan keburukan yang menimpa manusia itu mempunyai bentuk yang bermacam-macam. Ada yang berbentuk penyakit yang dihadapi, miskin dari segi harta, bencana yang menimpa, kematian orang-orang yang dikasih dan lain-lain. Ujian-ujian tersebut adalah berbentuk negatif bagi kehidupan manusia.<sup>16</sup>

Ujian yang kedua ialah berbentuk kebaikan atau kesenangan. Ini termasuk ujian berbentuk harta kekayaan, kemewahan, kedudukan, kekuasaan dan lain-lain. Ujian ini adalah berbentuk positif yang menyebabkan manusia merasa gembira dan leka.<sup>17</sup>

Berdasarkan kepada kenyataan di atas maka dapat dijelaskan bahawa semua manusia akan menerima ujian dan cubaan dari Allah (s.w.t) sama ada mereka itu seorang pelajar atau sebaliknya. Ini merupakan pengajaran dan dapat membantu keperibadian manusia yang mengaku beriman kepada Allah (s.w.t) dan hari Akhirat. Setelah apa yang perlu dilakukan oleh manusia telah pun dijelaskan di dalam al-Qur'an, maka untuk menguji sama ada manusia benar-benar menghayati segala petunjuk daripada al-Qur'an tersebut, Allah menimpakan ke atas manusia segala bentuk ujian-Nya untuk melihat siapakah yang benar-benar beriman kepada-Nya.

---

<sup>16</sup>Hanafi Mohamed, *Falsafah Pendidikan Menurut al-Qur'an*, cet. 1, Pustaka Ilmi, Selangor Darul Ehsan, 1996, hal. 213.

<sup>17</sup>Ibid., hal. 214.

## **4.2 IMPLIKASI DAKWAH**

Setelah diteliti beberapa kes yang dirujuk kepada kaunselor dan cara pendekatan dalam menangani masalah tersebut maka dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa terdapat unsur-unsur dakwah di dalamnya. Di antaranya adalah sebagai berikut:

### **4.2.1 Perbincangan**

Dalam usaha menangani masalah pelajar kaunselor telah mengadakan perbincangan dengan klien. Tujuannya adalah untuk menarik perhatian klien supaya ada ruang kepada klien untuk memberikan penjelasan dan pendapatnya. Kaunselor sebagai pembimbing dan menyarankan beberapa alternatif yang perlu diambil sebagai panduan penyelesaian masalah tersebut.<sup>18</sup>

Perbincangan merupakan salah satu metode dakwah. Ia dikenali sebagai *al-muajdalah al-husna* (perbincangan dengan cara yang terbaik).<sup>19</sup> Pendekatan ini digunakan oleh Rasulullah (s.a.w) dalam menyampaikan misi dakwahnya. Pendekatan seperti ini adalah amat sesuai dan munasabah bagi umat Islam dewasa ini untuk memperkenalkan Islam melalui forum dan diskusi

---

<sup>18</sup>Zuraidah bte Abdul Rahman, *op.cit.*, hal. 133.

<sup>19</sup>Al-Qur'an surah al-Nahl, ayat: 125.

ilmiah bagi tujuan membuka minda cendikiawan masyarakat agar mereka dapat mengkaji sejauhmana kebenaran Islam dan sejauhmana Islam membawa kesejahteraan sejagat yang amat diimpikan oleh masyarakat antarabangsa hari ini.<sup>20</sup>

Sejak menyebarkan dakwahnya di kota Mekah, Rasulullah (s.a.w) telah didatangi oleh tetamu yang bertujuan mengadakan perbincangan yang berkaitan dengan isi dakwahnya. Dalam riwayat yang dinyatakan bahawa satu rombongan tetamu yang terdiri daripada pendita kristian Habshah (Etophia) yang jumlahnya 70 orang yang mendatangi Rasulullah (s.a.w) di Mekah untuk mengetahui tentang dakwahnya. Setelah Nabi Muhammad (s.a.w) menjelaskan kepada mereka dengan membaca surah Yasin, mereka terus beriman dan memeluk Islam. Oleh yang demikian, perbincangan berlaku dengan begitu singkat tidak berlarutan sebagaimana yang dijangkakan.<sup>21</sup>

Menurut sejarahwan terkenal Ibnu Sa'ad<sup>22</sup> bahawa rombongan yang datang menemui baginda Rasulullah (s.a.w) bagi tujuan perbincangan adalah berjumlah 71 orang, sementara Ibnu al-Qayyim<sup>23</sup> pula hanya menyenaraikan 35

---

<sup>20</sup> Muhammad Aman Ali al-Jami, *Tariq al-Da'wah ila al-Islam*, al-Maktab al-Islami, Beirut, 1979, hal. 191.

<sup>21</sup> Muhammad al-Sabuni, *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*, Dar al-Qur'an, Beirut 1981, hal. 11-18.

<sup>22</sup> Ibnu Sa'ad, *al-Tabaqat al-Kubra*, Dar al-Fikr, Beirut, 1980 hal. 28.

<sup>23</sup> Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, Zad al-Ma'ad, *Ihya' al-Turath al-Nabi*, t. th, Kaherah, hal. 70.

orang sahaja. Walau bagaimanapun dapat difahami di sini bahawa pendekatan dakwah seperti ini dilakukan oleh nabi Muhammad (s.a.w) melalui tetamunya yang datang kepadanya, baik yang beragama Islam maupun yang belum memeluk Islam. Nabi Muhammad (s.a.w) memanfaatkan semua kelompok yang ada bagi tujuan berdakwah melalui *uslub* atau pendekatan yang munasabah.

Ada tiga golongan non-muslim yang pernah berdailog dengan Rasulullah (s.a.w), iaitu kaum musyrikin Mekah, orang-orang Yahudi dan orang-orang Kristian. Ketiga-tiga golongan ini cuba berbincang dengan Nabi Muhammad (s.a.w) untuk mendapatkan keterangan yang pasti mengenai agama Islam yang sebenarnya.

Kaum musyrikin Mekah sengaja datang menghadap kepada Abu Talib bapa saudara Rasulullah (s.a.w) untuk mendapat keizinan berbincang mengenai dakwah baginda Rasulullah (s.a.w) secara tegas tidak memberi peluang kepada mereka malah mereka tidak berdaya ketika Rasulullah (s.a.w) menawarkan mereka supaya mengakui ketuhanan Allah (s.w.t) dan Muhammad (s.a.w) Rasul Allah. Dikatakan Abu Talib menggesa Nabi Muhammad (s.a.w) agar meminta sesuatu yang lain daripada kalimah shahadah itu. Namun Nabi Muhammad (s.a.w) tetap bertahan dan tidak merubah sedikit pun. Akhirnya mereka meminta kepada Nabi Muhammad (s.a.w) supaya tidak menodai tuhan-tuhan mereka dan mereka pula akan memelihara sensitiviti agama Islam

sepertimana yang diabadikan al-Qur'an dalam surah al-Kafirun. Firman Allah:<sup>24</sup>

قُلْ يَأَيُّهَا الْكَافِرُونَ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ  
وَلَا أَنْتُ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ  
وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَا عَابَدْتُمْ  
وَلَا أَنْتُ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِي

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad ): Hai orang-orang kafir, Aku (Muhammad) tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku (Muhammad) sembah. Dan aku (Muhammad) tidak beribadat secara kamu beribadat secara aku (Muhammad) beribadat. Bagi kamu agama kamu, bagiiku (Muhammad) agamaku"

Ayat di atas mengingatkan kita supaya tetap di atas dasar tauhid dan cara-cara beribadat menurut yang dibawa oleh junjungan kita Nabi Muhammad (s.a.w) sekalipun banyak godaan dan tipu helah dari pihak musuh-musuh Islam dan orang-orang yang sesat untuk menjadikan kita menyeleweng dari jalan yang sebenar.<sup>25</sup>

<sup>24</sup> Al-Qur'an surah al-Kafirun, ayat: 1-6.

<sup>25</sup> Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Pengenalan Kepada al-Qur'an*, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1985, hal. 1444.

Orang-orang Yahudi pula sengaja datang untuk berbincang dengan Rasulullah (s.a.w) dengan menganjurkan pelbagai pertanyaan untuk menguji kebenaran dakwah Rasulullah (s.a.w). Rasulullah (s.a.w) dengan senyuman yang menarik menyatakan bahawa mereka boleh bertanya tetapi hendaklah berpegang kepada janji seperti mana janji Nabi Ya'akub (a.s) kepada anak-anaknya. Teks perbincangan ini masih lagi termaktub dalam kitab sejarah Islam yang muktabar.<sup>26</sup>

Orang-orang Kristian dari Jarjan sengaja mendatangi Nabi Muhammad (s.a.w) bagi tujuan diskusi tentang perkara agama yang mungkin mereka rasakan ada percanggahan dengan ajaran Islam. Pada awalnya Nabi Muhammad (s.a.w) nampaknya kurang selesa menerima temannya itu kerana pakaianya yang tidak sesuai kerana memakai emas dan sutera sebagai pakaian kebangsaan pendeta Kristian pada masa itu. Akan tetapi kerana petunjuk Ali bin Abi Talib agar mereka mengganti pakaianya dengan pakaian biasa dan ternyata Nabi Muhammad (s.a.w) boleh menerimanya sebagai tetamu dengan memberi kesempatan untuk berdiskusi dan berbincang tentang agama mereka.<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup> Al-Madkhali, Rabi' e Ibn Hadi (Dr.), *Manhaj al-Anbiya 'fi al-Da'wah Ila Allah*, Dar al-Fath, Shariqah Saudi, 1994, hal. 55.

<sup>27</sup> *Ibid.*, hal. 57.

Demikian Rasulullah (s.a.w) menggunakan pendekatan ini bagi tujuan dakwah kepada mereka yang mengizinkan perbincangan. Rasulullah (s.a.w) memilih cara yang cukup menarik dalam melakukan pendekatan ini, sehingga mereka yang mengikutinya merasa puas walaupun di antaranya ada yang tidak mahu menerima Islam sebagai pegangan hidupnya dan masih lagi bertuhan dengan idealisme lamanya.

Dari penjelasan di atas dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa perbincangan yang dilakukan oleh kaunselor dalam membantu menangani masalah pelajar merupakan salah satu pendekatan yang digunakan dalam dakwah. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa secara tidak langsung ciri-ciri dakwah ada digunakan di dalam perkhidmatan kaunseling.

#### **4.2.2 Memberi Nasihat Dan Pengajaran Yang Baik**

Kaunselor dalam memberikan perkhidmatan kauseling dalam membantu menangani masalah pelajar ialah dengan memberikan pengajaran dan nasihat yang baik kepada pelajar-pelajar. Pandangan dan saranan yang dikemukakan kepada klien dengan tutur kata yang baik, bijaksana dan penuh diplomasi yang boleh menarik perhatian klien dengan mengelakkan daripada memberi kritikan, ugutan cemuhan dan sebagainya yang boleh menjauhkan klien untuk membuat pertemuan selanjutnya.

Pendekatan yang digunakan oleh kaunselor ini merupakan pendekatan atau metode yang terdapat dalam dakwah. Ia telah ditentukan oleh Allah (s.w.t) di dalam al-Qur'an<sup>28</sup> dengan kaedah yang lengkap dalam mendidik insan melalui pengajaran dan nasihat ke arah kebenaran, kebaikan dan kesabaran sehingga dapat membangkitkan rasa kesedaran dan menanam keyakinan diri untuk mencari keredaan Allah (s.a.w).<sup>29</sup>

Pada prinsipnya, pengajaran dan nasihat yang baik dapat membimbing dan meneguhkan pendirian manusia sebagai orang-orang yang beriman. Firman Allah:<sup>30</sup>

هَذَا بَيْانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًىٰ وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُنْقَرِينَ

Maksudnya:

*“Al-Qur'an ini adalah keterangan untuk manusia, menjadi petunjuk dan pengajaran bagi orang-orang yang bertaqwa”*

Di samping itu juga, dalam proses penyampaian pengajaran dan nasihat yang baik, haruslah sesuai dengan situasi dan kondisi serta tingkatan pemikiran

---

<sup>28</sup> Al-Qur'an surah al-Nahl, ayat: 125.

<sup>29</sup> Muhammad bin Muhammad al-Amadi, *Irshad al-'Aql al-Salim Illa Mazaya al-Qur'an al-Karim*, jil. 5, Beirut, 1995, hal. 151.

<sup>30</sup> Al-Qur'an surah Ali Imran, ayat: 138.

manusia dengan penuh bijaksana dan ikhlas. Untuk menjelaskan keadaan tersebut Sayyidina Ali bin k.w. pernah berpesan:<sup>31</sup>

حد ثوا الناس بما يعرفون

Maksudnya:

*"Bercakaplah dengan orang lain berdasarkan kefahaman mereka (dalam lingkungan yang mereka boleh faham)"*

Pengajaran dan nasihat yang baik bererti meyakinkan individu dengan cara yang benar dan baik supaya menjauhi maksiat dan kerosakan serta membuat kebaikan dan menjauhi kejahatan.<sup>32</sup>

*Mau'izah hasanah* (pengajaran dan nasihat yang baik) adalah sebagai satu bentuk gaya penyampaian dakwah yang menjadikan dakwah disukai dan diterima dengan baik tidak meliarkan sasaran. Menyenangkan tidak menyusahkan, kerana ianya *uslub* yang menjadikan sasaran merasakan bahawa peranan pendakwah terhadapnya adalah seperti seorang kawan yang memberi nasihat serta mencari perkara yang membawa faedah juga menggembirakan sasaran. Keadaan ini akan membangkitkan rasa kejiwaan yang hampir antara

---

<sup>31</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, jil. 1, Istanbul, 1979, hal. 41.

<sup>32</sup> Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, jil. 3, Mu'assasat al-Halabi wa Shurakah Li al-Nashr al-Tawzi', Kaherah, 1976, hal. 68.

pendakwah dan sasaran kerana adanya pengaruh sentimen dan kesedaran perasaan di samping kejelasan yang memperlihatkan bahawa matlamat dakwah adalah memberi nasihat di samping mengawal sasaran dari terjerumus ke dalam perkara yang tidak diingini.<sup>33</sup>

Syed Qutb mengatakan *mau'izah hasanah* (pengajaran dan nasihat yang baik) ialah cara masuk ke dalam hati dengan lemah lembut, menyelami perasaan secara halus, bukan mengherdik, bukan juga dengan mencela dalam perkara-perkara yang tidak wajib dicela, bukannya dengan membuka tembelang kesalahan yang kadang-kadang berlaku dengan sebab kejahilan atau dengan niat yang tidak baik. Sesungguhnya lemah lembut dalam memberi nasihat dapat memberi hidayah kepada banyak hati-hati yang jahat, menjinakkan hati-hati yang liar yang membuatkan hasil yang lebih baik dari menggunakan kata-kata kasar, celaan dan cacian.<sup>34</sup>

Berdasarkan kepada penjelasan di atas dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa cara atau pendekatan yang dilakukan oleh kaunselor dalam menangani masalah pelajar dengan memberikan nasihat dan pengajaran yang baik adalah berdasarkan kepada pendekatan dakwah yang telah ditentukan oleh Allah

---

<sup>33</sup>Ahmad bin Muhammad bin Ali al-Fayyumi, *al-Misbah al-Munir*, Lubnan, 1978, hal. 255.

<sup>34</sup>Syed Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, juz. 4, hal. 2202

(s.w.t) di dalam al-Qur'an. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa ada penglibatan dakwah di dalam perkhidmatan kaunseling.

#### **4.2.3 Memberi Peringatan**

Dalam beberapa kes yang dikemukakan kepada kaunselor, pelajar-pelajar telah diberikan peringatan oleh kaunselor dengan hikmah untuk membimbing klien ke jalan yang benar dalam segala aspek urusan kehidupan.

Sebagai contoh, pelajar yang menghadapi masalah keluarga, kaunselor telah menjelaskan kepada klien bahawa kehidupan ini merupakan ujian dan cabaran dari Allah (s.w.t).<sup>35</sup>

Konsep peringatan dalam al-Qur'an mempunyai dalil dan bukti yang jelas untuk menjadi pedoman bagi manusia mengetahui atau memahami sesuatu perkara yang belum diketahui. Memberi peringatan kepada manusia merupakan salah satu tujuan dakwah iaitu mendorong kepada melakukan kebaikan dan petunjuk serta menjauhi perkara-perkara yang dilarang oleh

---

<sup>35</sup> Al-Qur'an surah al-Baqarah, ayat: 155.

Islam. Dengan peringatan ini memberi manfaat kepada orang-orang mukmin.<sup>36</sup>

Ini dijelaskan di dalam firmanNya:<sup>37</sup>

وَذِكْرٌ فِي الْكِتَابِ نَفْعٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٠﴾

Maksudnya:

*“Dan tetaplah engkau memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman”*

Kepentingan memberi peringatan menurut ajaran al-Qur'an agar manusia dapat mendidik dan membina umat iaitu melalui prinsip menyuruh berbuat kebaikan dan melarang berbuat kejahanatan atau berpesan dan menasihati dengan kebenaran.<sup>38</sup>

Langkah memberi peringatan agar manusia melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahanatan dapat diterapkan melalui dakwah, pendidikan dan pengajaran agama dan menghayati serta mengamalkan contoh teladan yang baik dan sebagainya yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah (s.a.w).<sup>39</sup>

---

<sup>36</sup> Al-'Adawi, *Da'wah al-Rasul ila Allah Ta'ala*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1979, hal. 371.

<sup>37</sup> Al-Qur'an surah al-Zariyat, ayat: 55.

<sup>38</sup> Abdul Halim Muhammady (Dr.), "Peranan Guru Dalam Pendidikan Islam", *Jurnal Pendidikan Islam*, Tahun 1, bil. 4, Disember 1986, hal. 1-8.

<sup>39</sup> Ghazali Basri (Dr.), "Pendidikan Dan Masyarakat", *Suara Pendidik*, jil. 8, No. 3, September 1982, hal. 2-6.

Di samping itu juga, al-Qur'an telah memberi amaran terhadap orang-orang yang ingkar dan berpaling dari peringatan akan mendapat atau mengalami berbagai-bagai angkara dan akibat seperti menyebabkan kesempitan, hidup bergelumang dengan kejahatan dan dosa serta dipengaruhi oleh syaitan.<sup>40</sup>

#### **4.2.4 Bertaqwa Dan Bertawakkal Kepada Allah (s.w.t)**

Berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar iaitu masalah keluarga kaunselor telah memberikan penjelasan dan bimbingan kepada pelajar tersebut supaya bertaqwa dan bertawakkal kepada Allah (s.w.t) dalam menghadapi cabaran hidup kerana hidup adalah cabaran dan ujian daripada Allah (s.w.t).<sup>41</sup>

Usaha serta peranan dakwah di sini ialah mendorong manusia supaya bertaqwa dan bertawakkal kepada Allah (s.w.t) dalam menghadapi cabaran hidup. Jadi, peranan kaunselor di sini adalah membentuk klien supaya menjadi seorang yang beriman dan bertaqwa kepada Allah (s.w.t).<sup>42</sup>

---

<sup>40</sup> Al-Qur'an surah al-Taha, ayat: 124.

<sup>41</sup> Abdul Halim El-Muhammady, "Pendidikan Islam Skop Dan Matlamat", *Jurnal Pendidikan Islam*, bil. 1, Januari, 1984, hal. 11.

<sup>42</sup> Sayid Sabiq, *Inilah Islam*, Terj: Salim Bahreisy dan Said Bahreisy, Al-Harain, Singapura, 1981, hal. 34.

Di dalam al-Qur'an Allah (s.w.t) telah memerintahkan kepada manusia dari golongan muslim agar bertaqwa kepada-Nya dengan sebenar-benarnya sebagai merealisasikan keimanan kepada Allah (s.w.t). Firman Allah:<sup>43</sup>

يَأَيُّهَا الَّذِينَ مَاءْمَنُوا أَتَقْوُا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَلَا يَمْنُونَ إِلَّا وَآتَمُ مُسْلِمُونَ ١٢٥

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah (s.w.t) dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan kamu dalam keaduan Islam"*

Taqwa bererti berkesanggupan seseorang melaksanakan segala perintah Allah (s.w.t) dan mampu meninggalkan segala larangan-Nya. Justeru itu sifat taqwa dapat membentuk disiplin hidup yang sempurna bagi manusia mencapai kebahagiaan baik di dunia maupun di akhirat.<sup>44</sup>

Di dalam al-Qur'an Allah (s.w.t) telah menjelaskan bahawa untuk mencapai tingkat ketaqwaan kepada-Nya, kaum muslimin hendaklah melaksanakan beberapa amalan penting seperti beramal soleh, sabar menghadapi ujian Allah (s.w.t), sentiasa bertaubat kepada Allah (s.w.t),

---

<sup>43</sup> Al-Qur'an surah Ali Imran, ayat: 102.

<sup>44</sup> Muhammad Ghazali, *Taqwa Membentuk Akhlak Yang Mulia*, cet. 1, Pustaka Ilmi, Selangor Darul Ehsan, 1995, hal. 4.

berjihad di jalan Allah (s.w.t), menegakkan amar makruf nahi mungkar, kasih sayang sesama manusia dan sebagainya.<sup>45</sup>

Al-Qur'an dapat mendidik manusia, kaum muslimin mencapai kebaikan dan kebahagiaan yang tidak terhingga di dunia dan di akhirat dengan mengamalkan taqwa kepada Allah (s.w.t). Di antaranya dihapuskan kesalahan dan diampuni dosa, terpelihara dari kesulitan hidup, selamat dari azab neraka mendapat balasan syurga.

Manakala tawakkal kepada Allah (s.w.t) merupakan inti akidah yang dapat mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t). Tawakkal juga adalah sebahagian daripada tujuan hidup manusia untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Justeru itu, al-Qur'an telah menggariskan agar umat Islam mengamalkan tawakkal dalam setiap urusan hidup dengan sentiasa berusaha mengikuti dan mematuhi segala perintah Allah (s.w.t) dan Rasul-Nya.<sup>46</sup>

Dengan mengamalkan tawakkal, dapat mengukur tingkat keimanan yang dimiliki seseorang itu apabila sedang menghadapi cabaran atau mengamali sesuatu masalah dan kesulitan dalam perjalanan hidupnya.

---

<sup>45</sup> Miqdad Yaljin, *al-Ittijah al-Akhlaqi fi al-Islam*, Maktabah al-Khanji, 1977, hal. 34.

<sup>46</sup> Ahmad bin Mohd Salleh, *Pendidikan Islam (Dinamika Guru)*. Siri Pendidikan Guru, Penerbit Fajar Bakti, Sdn. Bhd., 1995, hal. 315.

Tawakkal kepada Allah (s.w.t) bererti menyerahkan sepenuhnya, ikhlas dan yakin kepada-Nya bahawa segala hukum Allah (s.w.t) berlaku dengan takdirnya tidak dapat ditolak atau di atasi. Dengan ini seorang itu dapat menambahkan keyakinan untuk mencapai sesuatu cita-cita dengan izin Allah (s.w.t) melalui prinsip berusaha dan berfikir serta bersabar menghadapi takdir Allah (s.w.t).<sup>47</sup>

Berdasarkan penjelasan di atas dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa keterlibatan dakwah di sini ialah memberikan kesedaran kepada klien bahawa kehidupan di atas muka bumi ini merupakan cabaran dan ujian. Dari itu untuk mencapai kesejahteraan hidup hendaklah berusaha dan bertawakkal kepada Allah (s.w.t) mudah-mudahan berjaya di dunia dan di akhirat.

#### **4.2.5 Pendedahan Kendiri**

Pendedahan Kendiri merupakan salah satu teknik yang digunakan oleh kaunselor dalam menangani masalah pelajar. Teknik ini ialah klien dan kaunselor sama-sama berkongsi maklumat dan berbincang dua hala di antara klien dengan kaunselor dalam usaha mencari penyelesaian masalah. Tujuan

---

<sup>47</sup> *Ibid.*, hal. 317.

teknik ini adalah supaya kauselor dapat menemukan satu ketetapan yang positif dalam membantu menyelesaikan masalah klien.<sup>48</sup>

Teknik atau kemahiran pendedahan kendiri telah digunakan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) dalam penyebaran dakwahnya. Ia dikenali sebagai *manhaj al-hiwar* (metode perbincangan atau dialog penerokaan) atau apa yang diistilahkan oleh al-Qur'an sebagai perbincangan dengan cara baik dan harmonis dalam usaha mewujudkan rasa puas hati kepada sasaran dakwah (*mad'u*). Unsur ini mesti ada dalam proses dakwah. Tanpa adanya unsur ini penerimaan dakwah akan menjadi suatu paksaan ke atas manusia dan ianya adalah suatu perkara yang ditolak oleh Allah (s.w.t). Firman-Nya:<sup>49</sup>

لَا إِكْرَامٌ فِي الدِّينِ

Maksudnya:

"Tidak ada paksaan dalam beragama"

Teknik atau kemahiran kendiri ini boleh dianggap sebagai profesion para Rasul dan pendakwah, kerana mengubah kepercayaan atau akidah bukanlah suatu perkara yang mudah. Oleh kerana itu, Allah (s.w.t) mengurniakan kepada Rasul kekuatan penerangan (*bayan*), mengutuskan

<sup>48</sup> Ishammudin Hj. Ismail, *Kaunseling Dari Jamong Ke Laser*, cet. 1, Pusat Ilmu Jelatek, Kuala Lumpur, 1997, hal. 77.

<sup>49</sup> Al-Qur'an surah al-Baqarah, ayat: 256.

mereka dengan kaum mereka dan memberikan kemampuan untuk berbincang dan menangkis hujah pembangkang dan dapat menundukkan orang yang bertanya, sehingga mereka dapat membincang dengan semua manusia menerusi metode perbincangan bebas yang berasaskan logik.<sup>50</sup>

Pendakwah mencurahkan usahanya untuk membebaskan akal manusia dariapda tradisi negatif yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Oleh itu, pendakwah harus memperkuatkan dirinya, memperluaskan ufuk pemikirannya, bertolerasi meraikan suasana, selalu memerhatikan realiti suasana persekitaran dan menggalakkan masyarakat membebaskan diri dariapda unsur negatif yang telah bersarang di akal yang membentuk suatu adat budaya dalam kehidupan. Semuanya ini dilakukan supaya pendakwah mampu membimbing masyarakat ke jalan yang benar.<sup>51</sup>

Metode perbincangan atau pendedahan kendiri ini adalah metode amali untuk mencapai matlamat tersebut, kerana ia tidak menjatuhkan maruah dan kemuliaan atau harga diri, tidak menyebabkan pihak lawan merasa bahawa dia tewas, dapat menggambarkan imej diri pendakwah sebagai penasihat yang benar, di samping golongan sasaran dapat menerima nasihat dan bimbingan

---

<sup>50</sup>Ghalwas, Ahmad Ghalwas (Dr.), *op.cit.*, hal. 382.

<sup>51</sup>Muhammad Talat Abu Sher, *Al-Da'wah ila Allah fi al-Qur'an al-Karim wa Manahijuha*, Universiti al-Azhar, Kaherah, 1986, hal. 266.

sehingga kedua-dua pihak dapat bersama-sama secara berterusan berjalan di atas jalan yang benar.<sup>52</sup>

Al-Qur'an menyeru supaya pendakwah menghiaskan diri dengan sifat diskusi yang baik dalam setiap perkara. Tidak syak lagi apabila seseorang pendakwah berlitzam dengan metode yang dianjurkan oleh al-Qur'an ini, hati manusia akan mengerumuninya dan akan menghilangkan rasa tidak senang dalam hati manusia.<sup>53</sup> Firman Allah:<sup>54</sup>

وَلَا سَتُوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ أَدْفَعَ بِالْقَيْهِ أَحْسَنٌ  
فَإِذَا الَّذِي بِيْنَكَ وَبِيْنَهُ عَدُوٌّ كَانَهُ وَلِيٌ حَمِيمٌ  
(٢٤)

Maksudnya:

*"Dan kebaikan itu tidak sama dengan kejahatan. Tolaklah (kejahatan) dengan cara perbincangan yang lebih baik, (nescaya engkau akan dapat) tiba-tiba orang yang mempunyai permusuhan denganmu akan berubah menjadi seolah-olahnya seorang sahabat akrab"*

Manhaj diskusi yang baik boleh digunakan dalam dakwah terhadap *ahl al-zimmah*, *ahl al-hudnah*, *ahl al-aman*, dan juga orang-orang yang tidak boleh diperangi dengan mata pedang. Ia juga boleh berlaku pada permulaan dakwah dan juga untuk menerangkan kebenaran dan menghapuskan kesangsian

<sup>52</sup> Muhammad Husein Fadhlullah, *Ushub al-Da'wah fi al-Qur'an*, Dar al-Zahra, Beirut, hal. 55.

<sup>53</sup> Abu Sher, *op.cit.*, hal. 266.

<sup>54</sup> Al-Qur'an surah Fussilat, ayat: 34.

di hati manusia. Ia juga adalah metode dakwah untuk kaum mushrikin, ahli kitab dan juga golongan munafiqin seperti yang dipaparkan berulang kali dalam al-Qur'an al-Karim.

Dengan penjelasan ini menunjukkan bahawa teknik atau pendekatan kendiri yang terdapat di dalam kaunseling ada persamaannya dengan *uslub mujadalah* (perbincangan) yang terdapat di dalam dakwah. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa ciri-ciri dakwah wujud di dalam perkhidmatan kaunseling yang dilakukan oleh kaunselor dalam menangani masalah pelajar.

#### **4.2.6 Memberi Perhatian**

Memberi perhatian merupakan satu cara galakan dan sokongan yang positif yang diperlukan oleh seseorang yang sedang menghadapi masalah. Teknik ini digunakan oleh kaunselor di UKK dalam membantu menyelesaikan masalah atau kes yang dirujuk kepada kaunselor. Dalam teknik ini, penunjuk ajar harus berkeupayaan menunjukkan rasa jujur, tulen dan hormat kepada individu/klien yang mempunyai masalah melalui bahasa lisan dan bukan lisan.<sup>55</sup>

---

<sup>55</sup> Zuraidah bte Abdul Rahman, *op.cit.*, hal. 62.

Jika individu bermasalah merasai yang penunjuk ajar tidak berminat terhadapnya, ia akan berasa tidak dihargai, tidak penting, dipermain-mainkan dan menyangka bahawa ia hanya digunakan untuk dinilai kesilapan dan kebodohnya. Dengan ini, interaksi di atas penunjuk ajar dengan individu berkenaan menjadi tegang dan timbul syak wasangka. Kedua-dua belah pihak enggan berbincang dengan terbuka dan proses memberi pertolongan menjadi terhalang.<sup>56</sup>

Kemahiran memberi perhatian atau keyakinan yang terdapat di dalam kaunseling adalah bertujuan untuk menunjukkan kepada klien jalan yang benar, betul dan membimbing mereka serta menanam kebaikan dan kelebihan dalam diri klien. Teknik dan kemahiran ini telah digunakan oleh pendakwah di dalam kegiatan dakwahnya. Cara ini digunakan untuk mendakwah seorang individu atau sekumpulan manusia. Rasulullah (s.a.w) telah menggunakan cara ini pada seorang pemuda yang datang berjumpa dengan Rasulullah (s.a.w) meminta kebenaran untuk berzina. Maka baginda menyatakan dengan kebijaksanaan baginda dan memberikan dalil-dalil yang menyakinkan.<sup>57</sup>

Diriwayatkan oleh Ahmad dengan sanad yang kuat daripada Abi Umamah. Seorang lelaki muda datang kepada Rasulullah (s.a.w) dan berkata:

---

<sup>56</sup> *Ibid.*, hal. 63.

<sup>57</sup> Sharifah Alawiyah al-Sagoff, *op.cit.*, hal. 364.

“Wahai Nabi Allah, bolehkah engkau memberi kebenaran kepadaku untuk melakukan zina”. Orang ramai pun memarahi pemuda tersebut, maka Rasulullah (s.a.w) pun bersabda, “Mari ke sini”, dan lelaki itu pun menghampirinya dan duduk dihadapannya. Rasulullah (s.a.w) kemudian berkata lagi, “Adakah kamu suka orang melakukan zina dengan ibumu?, beliau (pemuda) itu menjawab, “Tidak”. Katanya lagi, “sama sekali tidak”. Rasulullah (s.a.w) berkata lagi, “Maka begitulah juga orang lain, tidak suka engkau melakukan zina dengan ibu-ibu mereka. “Rasulullah (s.a.w) bertanya lagi, “Adakah kamu suka jika ia dilakukan kepada saudara perempuan kamu? Pemuda itu menjawab, “Tidak”. Kemudian Rasulullah (s.a.w) berkata lagi, “Maka begitulah juga orang lain tidak suka perbuatan ini dilakukan kepada saudara mereka. “Rasulullah (s.a.w) kemudian mengulang soalan itu tetapi digantikan dengan isteri dan anak perempuannya dan lelaki muda itu menjawab: Tidak. Rasulullah (s.a.w) kemudian meletakkan tangannya di atas dada lelaki itu dan berkata, “Ya Allah, bersihkanlah hatinya dan ampunkanlah dosanya dan lindungilah maruahnya”. Lelaki itu pun pergi dan semenjak itu perkara yang paling dibenci oleh pemuda itu ialah perbuatan zina.<sup>58</sup>

Dengan ini jelas menunjukkan bahawa teknik memberi perhatian dan keyakinan yang dilakukan oleh kaunselor dalam menangani masalah pelajar di dalam kes-kes yang telah disebutkan sebelum ini ada terdapat unsur-unsur

---

<sup>58</sup>Fath Yakan, “Mushkilat al-Da’wah wa al-Da’iyat: , *al-Risalat*, Beirut, 1974, hal. 121.

dakwah di dalamnya. Ini menunjukkan bahawa teknik memberi perhatian dan keyakinan yang digunakan di dalam kaunseling dan melibatkan usaha-usaha dakwah. Dengan kemahiran ini pendakwah-pendakwah dapat memberikan keyakinan kepada klien dalam menerima seruannya.

#### 4.2.7 Kemahiran Menyoal

Kemahiran menyoal merupakan salah satu teknik yang terdapat di dalam kaunseling. Ia digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada klien.<sup>59</sup> Teknik ini telah digunakan oleh kaunselor di UKK dalam usaha membantu menangani masalah pelajar. Ini termasuklah beberapa kes yang dirujuk kepada kaunselor.

Dalam Islam teknik ini telah digunakan oleh Rasulullah (s.a.w) ke atas para sahabatnya apabila baginda melihat mereka dalam kesedihan. Ini dapat dijelaskan melalui sabda baginda:<sup>60</sup>

عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ قَالَ «جاءَ رَجُلٌ مِّنَ الْأَنْصَارِ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ «يَا فَلَانَ مَالِيٌّ سَخْرُونَا» قَالَ «يَا نَبِيَّ اللَّهِ شَيْءٌ فَكَرِّتْ فِيهِ» فَقَالَ «مَا هُوَ» قَالَ نَحْنُ نَغْدُو عَلَيْكَ وَنَرُوحُ نَنْظَرُ إِلَى وَجْهِكَ وَنَجَالِسُكَ نَغْدًا تَرْفَعُ مَعَ النَّبِيِّ فَلَا نَنْصُلُ إِلَيْكَ» فَلَمْ يَرْدَ النَّبِيُّ عَلَيْهِ سَبَبًا فَاتَاهُ

<sup>59</sup>Muhd. Mansur Abdullah, *op.cit.*, hal. 70.

<sup>60</sup>Hadir riwayat Ibn Majah, Lihat: *Sunan Ibn Majah*, juz. 2, hal. 69.

جبريل عليه السلام بهذه الآيات، مع يطبع الله والرسول  
فأَلِكَ مَعَ الَّذِينَ انْعَمْوَا اللَّهُ عَلَيْهِمْ مَعَ النَّبِيِّ وَالْمُدْقِنِينَ  
وَالشَّهِدَاءِ وَالْمَالِيِّينَ وَحْسَنَ أَوْلَئِكَ رَفِيقًا •

Maksudnya:

*"Daripada Sa'ad bin Jubair beliau berkata, datang seorang lelaki daripada Ansar kepada Rasulullah (s.a.w) bertanya (menyoal). Wahai si fulan, mengapa aku melihat engkau dalam kesedihan, lalu pemuda tersebut menjawab, wahai Rasulullah, aku memikirkan tentang sesuatu, lalu Rasulullah bertanya, apakah yang engaku fikirkan?, kami sentiasa datang dan pergi serta sentiasa melihat wajah engkau yang mulia dan duduk di sisi engkau kelak (hari akhirat) engkau diangkat bersama para Anbiya yang lain dan kami tidak akan sampai kepadamu... Rasulullah (s.a.w) tidak menjawab pertanyaan daripada sahabat tersebut sehingga dalah datang malaikat Jibril kepadanya bersama ayat 69 daripada surah al-Nisa"*

Hadis di atas menunjukkan tentang kemahiran menyoal di dalam proses kaunseling. Kemahiran menyoal merupakan salah satu teknik yang digunakan oleh kaunselor dalam membantu menangani masalah pelajar. Tanpa kemahiran ini besar kemungkinan maklumat tidak akan diperolehi.

Dengan ini jelas menunjukkan bahawa teknik yang digunakan oleh kaunselor ada melibatkan unsur-unsur dakwah di dalamnya. Ini dapat diberikan contoh sebagaimana Rasulullah (s.a.w) tidak memberikan jawapan kepada sasaran (*mad'u*) sehingga baginda menerima wahyu berhubung dengan permasalahan yang dibangkitkan oleh sasaran.

#### **4.3 SIKAP PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN KAUNSELING DI UNIT KERJAYA DAN KAUNSELING**

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini, Unit Kerjaya dan Kaunseling merupakan salah satu unit yang terdapat di Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang berpeanan memberikan perkhidmatan kaunseling dan kerjaya kepada pelajar-pelajar.

Oleh kerana beberapa aktiviti telah lama dilaksanakan di unit tersebut, satu kajian untuk mengetahui sikap<sup>61</sup> pelajar terhadap perkhidmatannya perlu diadakan. Kajian ini akan berguna kepada semua pihak yang terlibat dengan perkhidmatan kaunseling untuk mengetahui sikap pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling yang dilaksanakan di UKK.

Kajian ini dibuat dengan menggunakan kaedah persampelan<sup>62</sup> di mana penulis mengedarkan 60 borang soal selidik melalui kaunselor untuk diberikan kepada pelajar-pelajar yang pernah mendapat perkhidmatan kaunseling di UKK. Dari soal selidik tersebut penulis membuat analisis tentang sikap responden terhadap perkhidmatan kaunseling.

---

<sup>61</sup>Sikap ialah perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pendapat. Lihat Kamus Dewan, *op.cit.*, hal. 1825. Sikap yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah sikap pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling.

<sup>62</sup>Metode ini telah dijelaskan sebelum ini. Sila rujuk di dalam bab pendahuluan hal xxi.

Daripada persampelan yang telah dilakukan, maka didapati latar belakang responden yang diterima adalah sebaaimana berikut:

Latar Belakang Jantina:

Perempuan	35 orang	58.3 %
Laki-laki	25 orang	41.7%
<b>Jumlah</b>	<b>60 orang</b>	<b>100%</b>

Latar Belakang Umur:

19 hingga 23 tahun	49 orang	81.7%
23 tahun ke atas	11 orang	18.3%
<b>Jumlah</b>	<b>60 orang</b>	<b>100%</b>

Latar Belakang Kursus:

Kursus Kejuruteraan	(EN)	15 orang	25.0%
Kursus Pentadbiran Dan Undang-Undang	(AL)	11 orang	18.0%
Kursus Perniagaan Dan Pengurusan	(BM)	11 orang	18.0%
Kursus Sebaran Am	(MC)	5 orang	8.3%

Kursus Sains Gunaan	(AS)	5 orang	8.3%
Kursus Sains Kesetiausahaan	(SS)	2 orang	3.8%
Kursus Sains Matematik	(CS)	2 orang	3.8%
Kursus Seni Lukis	(AD)	2 orang	3.8%
Tidak Jawab		7 orang	11.0%
<b>Jumlah</b>		<b>60 orang</b>	<b>100%</b>

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, penemuan dan analisis data ialah sebagaimana berikut:

### 1. Cara Pelajar Mengatasi Masalah

Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar samada berada di ITM. Ini termasuklah masalah akademik, peribadi, sosial, agama dan sebagainya. Dalam mengatasi masalah tersebut, bagaimakah sikap pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling?

Jadual di bawah dapat memberikan jawapan kepada persoalan tersebut.

Jadual (1): Sikap Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kaunseling Dalam Mengatasi Masalahnya.

Bil.	Cara Pelajar Mengatasi Masalah Dan Sikapnya Terhadap Perkhidmatan Kaunseling	Responden	Peratus
1.1	Bantuan Rakan-Rakan	14 orang	23.3
1.2	Atasi Sendiri	13 orang	21.7
1.3	Khidmat Kaunseling	12 orang	20.0
1.4	Bantuan Keluarga	10 orang	16.6
1.5	Pendam Sendiri	9 orang	15.0
1.6	Bantuan Pensyarah	1 orang	1.7
1.7	Khidmat Nasihat Pegawai Penasihat Agama	1 orang	1.7
	<b>Jumlah</b>	<b>60 orang</b>	<b>100</b>

Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa kebanyakan daripada pelajar-pelajar dalam mengatasi masalahnya mereka lebih berminat meminta bantuan dari rakan sebaya yang mereka kenali. Ini kerana rakan mempunyai hubungan yang rapat dan senang dihubungi secara spontan. Walau bagaimanapun, ada juga di kalangan responden yang mengatasi masalahnya dengan cara sendiri tanpa mengharapkan bantuan orang lain. Jadual di atas juga menunjukkan ada di kalangan responden yang memerlukan khidmat nasihat kaunselor tetapi agak

sedikit. Menurut pendapat kaunselor, kebanyakan daripada pelajar-pelajar tidak semua mengemukakan masalahnya kepada kaunselor kecuali terdapat masalah yang rumit yang sukar untuk diatasi. Inilah yang menyebabkan keadaan ini berlaku.<sup>63</sup> Di samping itu terdapat juga responden yang meminta bantuan dari keluarga untuk menyelesaikan masalah mereka. Meskipun terdapat beberapa cara yang dilakukan oleh responden dalam mengatasi masalah mereka ada juga terdapat responden yang meminta khidmat nasihat pensyarah dan pegawai penasihat agama tetapi jumlahnya agak sedikit semasa kajian ini dilakukan.

## 2. Perkhidmatan Kaunseling

Walaupun pelajar kurang mengharapkan bantuan khidmat nasihat kaunseling dalam mengatasi masalah mereka, tetapi penilaian responden terhadap perkhidmatan kaunseling adalah baik dan memuaskan.

Jadual di bawah menjelaskan jawapan kepada persoalan tersebut.

---

<sup>63</sup> Temubual dengan Puan Rokiah bte Mahmood di pejabatnya pada 24.4.1996. Beliau ialah Pegawai Bimbingan dan Nasihat Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

Jadual (2): Penilaian Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kaunseling

Bil.	Penilaian Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kaunseling	Responden	Peratus
2.1	Memuaskan	29 orang	48.4
2.2	Baik	13 orang	21.7
2.3	Sangat Memuaskan	11 orang	18.3
2.4	Lain-lain	3 orang	5.0
2.5	Sangat Baik	2 orang	3.3
2.6	Tidak Jawab	2 orang	3.3
	<b>Jumlah</b>	<b>60 orang</b>	<b>100</b>

Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa penilaian responden terhadap perkhidmatan kaunseling di UKK adalah baik dan memuaskan. Namun demikian tahap baik dan memuaskan tidaklah membanggakan. Jadual tersebut juga menunjukkan ada di kalangan responden yang mengatakan perkhidmatan kaunseling di UKK sangat memuaskan dan sangat baik.

Dari kaitan di atas dapat memberikan gambaran bahawa penilaian responden terhadap perkhidmatan kaunseling adalah baik dan memuaskan.

### 3. Bagaimana Cara Pelajar Mengetahui UKK

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini, banyak UKK merupakan salah satu unit yang terdapat di Bahagian HEP. Untuk meminta khidmat nasihat kaunseling, pelajar perlu mengetahui unit tersebut. Jadi, bagaimanakah sikap responden untuk mengetahui UKK?

Persoalan di atas dapat dijelaskan melalui jadual di bawah.

Jadual (3): Cara Pelajar Mengetahui UKK

Bil.	Cara Pelajar Mengetahui UKK	Responden	Peratus
3.1	Melalui Rakan-Rakan	20 orang	33.3
3.2	Kesedaran Sendiri	14 orang	23.3
3.3	Taklimat Minggu Wawasan Siswa	12 orang	20.0
3.4	Melalui Taklimat Hal Ehwal Pelajar	7 orang	11.7
3.5	Lain-lain Sumber	7 orang	11.7
	<b>Jumlah</b>	<b>60 orang</b>	<b>100</b>

Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa kebanyakan pelajar yang belajar di ITM mengetahui UKK melalui rakan. Ini menunjukkan bahawa rakan merupakan saluran maklumat yang memainkan peranan besar kerana

dapat memberikan maklumat tentang adanya unit yang berperanan untuk kebajikan pelajar. Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa ada di kalangan responden yang mengetahui UKK melalui kesedaran sendiri. Ini bermakna ada di kalangan pelajar yang prihatin tentang perlunya mengetahui UKK. Di samping melalui rakan dan kesedaran sendiri, responden mengetahui UKK melalui taklimat minggu wawasan siswa iaitu semasa pendaftaran pelajar-pelajar baru. Meskipun demikian ada juga responden yang mengetahui UKK menerusi buletin hal ehwal pelajar yang dikeluarkan oleh UKK. Kenyataan ini juga dinyatakan oleh En. Mohd bin Adnan ketika penulis menemuduga semasa kajian ini dibuat.<sup>64</sup>

#### 4. Cara Pelajar Menghubungi UKK

Berdasarkan kepada kajian sebelum ini, kebanyakan daripada pelajar mengetahui UKK. Namun demikian, bagaimanakah cara mereka menghubungi unit tersebut?

Jadual di bawah dapat menjawab persoalan tersebut.

---

<sup>64</sup> Temuduga dengan Encik Mohd bin Adnan di pejabatnya pada 25.7.1996. Beliau ialah Pegawai Bimbingan dan Nasihat Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

Jadual (4): Cara Pelajar Menghubungi UKK

Bil.	Cara Pelajar Mengetahui UKK	Responden	Peratus
4.1	Berjumpa Sendiri	50 orang	83.3
4.2	Melalui Telefon	5 orang	8.3
4.3	Lain-lain Sumber	4 orang	6.7
4.4	Mewakili Kawan-kawan	1 orang	1.7
	<b>Jumlah</b>	<b>60 orang</b>	<b>100</b>

Jadual di atas dapat dilihat ada pelbagai cara yang dilakukan oleh responden dalam menghubungi UKK. Dapatan kajian menunjukkan ramai di kalangan responden yang menghubungi sendiri UKK. Ini bererti responden bersikap positif terhadap perlunya menghubungi UKK untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan kerjaya. Jadual di atas juga menunjukkan ada di kalangan responden yang menghubungi kaunselor di UKK melalui telefon, lain-lain sumber dan mewakili kawan-kawan. Apabila responden menghubungi UKK dengan pelbagai cara, kaunselor harus menerima mereka tanpa syarat. Ini dinyatakan oleh kaunselor berhubung dengan keadaan yang demikian.<sup>65</sup>

---

<sup>65</sup>Temuduga dengan Puan Rokiah bte Mahmood di pejabatnya pada 28.10.1995. Beliau ialah Pegawai Bimbingan dan Nasihat Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

5. Khidmat Kaunseling Satu Alternatif Ke Arah Penyelesaian Masalah

Kajian sebelum ini menunjukkan bahawa responden mengetahui dan berminat untuk menghubungi UKK. Persoalannya ialah adakah perkhidmatan kaunseling dapat memberikan satu alternatif ke arah penyelesaian masalah?

Jawapan kepada persoalan tersebut di atas dapat dijawab dalam jadual di bawah.

Jadual (5): Kauseling Satu Alternatif Ke Arah Penyelesaian Masalah

Bil.	<b>Khidmat Kaunseling Satu Alternatif Ke Arah Penyelesaian Masalah</b>	<b>Responden</b>	<b>Peratus</b>
5.1	Ya	34 orang	56.7
5.2	Kadang-Kadang	22 orang	36.6
5.3	Tidak Jawab	3 orang	5.0
5.4	Lain-lain	1 orang	1.7
	<b>Jumlah</b>	<b>60 orang</b>	<b>100</b>

Jadual di atas menunjukkan ramai di kalangan responden yang mengakui bahawa perkhidmatan kaunseling yang dilaksanakan di UKK merupakan satu alternatif ke arah penyelesaian masalah. Tetapi ada juga

responden yang mengatakan bahawa tidak semua masalah dapat diselesaikan melalui perkhidmatan kaunseling. Ini memang diakui, kaunselor bukanlah berperanan sebagai penyelesaian masalah, tetapi ia berperanan memberikan pandangan serta beberapa alternatif ke arah penyelesaian masalah. Ia banyak bergantung kepada responden yang membuat pertimbangan dan pilihan yang positif.

#### 6. Pandangan Responden Tentang Keperluan Memilih UKK

Dari kajian sebelum ini menunjukkan bahawa perkhidmatan kaunseling merupakan salah satu alternatif ke arah penyelesaian masalah yang dihadapi oleh responden. Di sini timbul pertanyaan, mengapakah responden membuat pilihan terhadap UKK?

Persoalan di atas dapat dijawab melalui jadual di bawah.

Jadual (6): Keperluan Memilih UKK

Bil.	Keperluan Memilih UKK	Responden	Peratus
6.1	UKK Menggunakan Kaedah, pendekatan, teori kaunseling dan termasuk juga pendekatan Islam	31	51.7
6.2	Percaya dengan kebolehan yang ada pada kaunselor	29	48.3
	<b>Jumlah</b>	<b>60 orang</b>	<b>100</b>

Jadual di atas menunjukkan ramai responden mengakui bahawa pemilihan UKK merupakan sebagai langkah positif ke arah penyelesaian masalah. Ini adalah kerana kaunselor menggunakan pendekatan, kaedah, teori kaunseling termasuk pendekatan Islam dalam membantu menangani masalah yang dihadapi oleh responden. Jadual tersebut juga menggunakan responden percaya dengan kebolehan yang ada pada kaunselor dalam memberikan dengan kebolehan yang ada pada kaunselor dalam memberikan perkhidmatan kaunseling. Dengan adanya kepercayaan ini, kaunselor dapat memainkan peranannya ke arah merubah sikap negatif kepada sikap positif kepada pelajar-pelajar.

#### 7. Kekerapan Responden Menemui Kaunselor

Dapatan kajian sebelum ini menunjukkan ramai di kalangan responden yang memilih UKK untuk mendapatkan khidmat nasihat kaunselor. Persoalan di sini ialah, sejauhmanakah kekerapan responden membuat pertemuan dengan kaunselor apabila menghadapi masalah?

Persoalan di atas dapat dijawab melalui jadual yang ditunjukkan di bawah. Ini berdasarkan kepada kajian ini dilakukan.

### Jadual (7): Kekerapan Menemui Kaunselor

Bil.	Kekerapan Responden Membuat Pertemuan Dengan Kaunselor	Responden	Peratus
7.1	Selalu	56 orang	93.3
7.2	Tidak Jawab	4 orang	6.7
	<b>Jumlah</b>	<b>60 orang</b>	<b>100</b>

Jadual di atas menunjukkan ramai responden membuat pertemuan dengan kaunselor. Ini bererti responden memerlukan perkhidmatan kaunseling. Ini dapat dibuktikan dengan peraturan yang tinggi kekerapan responden membuat pertemuan dengan kaunselor. Sikap yang ditunjukkan oleh responden membuktikan perkhidmatan kaunseling dapat diterima di kalangan mereka. Ini yang menyebabkan responden selalu membuat pertemuan dengan kaunselor apabila mereka berhadapan dengan masalah sama ada masalah akademik atau non akademik.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap dan pandangan pelajar atau responden terhadap perkhidmatan kaunseling di UKK adalah berbeza di antara satu sama lain.

Ada di kalangan responden yang berpendapat bahawa untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi tidak tertumpu sepenuhnya kepada

perkhidmatan kaunseling semata-mata, tetapi ia dilakukan melalui rakan, keluarga, atasi sendiri, pensyarah dan pegawai penasihat agama. Ini menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling dalam mengatasi masalah mereka adalah sederhana.

Maskipun responden kurang memerlukan perkhidmatan kaunseling dalam menangani masalah mereka namun sebahagian besar daripada responden mengatakan bahawa perkhidmatan kaunseling yang dilaksanakan di UKK adalah baik dan memuaskan. Penilaian baik dan memuaskan adalah berdasarkan secara keseluruhan tentang perkhidmatan yang disediakan.

Begitu juga sikap responden terhadap kepentingan UKK. Berdasarkan kepada kajian, kebanyakan daripada responden mengetahui UKK melalui rakan dan kesedaran sendiri. Di sini menunjukkan tahap keprihatinan responden terhadap UKK begitu tinggi. Ini menunjukkan bahawa UKK adalah perlu bagi mereka.

Begitu juga sikap responden tentang cara mereka menghubungi UKK. Kebanyakan daripada responden datang sendiri berjuma dengan kaunselor untuk meminta bantuan khidmat nasihatnya. Ini menunjukkan sikap positif yang ditunjukkan oleh responden terhadap perkhidmatan kaunseling. Di samping itu ada juga responden yang menghubungi kaunselor melalui telefon dan mewakili kawan supaya disampaikan mesej kepada kaunselor. Dengan ini

dapat dikatakan bahawa ramai di kalangan responden yang menghubungi UKK walaupun dengan cara yang berbeza.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat responden yang mengatakan bahawa UKK merupakan satu pilihan atau alternatif ke arah penyelesaian masalah. Ini dibuktikan dengan 59.6% daripada responden mengakui bahawa UKK merupakan salah satu unit yang berperanan serta dapat memberikan khidmat nasihat yang baik.

Begitu juga dengan sikap responden terhadap keperluan memilih UKK. Dapatan kajian menunjukkan ramai di kalangan responden yang memilih UKK kerana terdapat beberapa pendekatan, teori dan termasuk juga pendekatan Islam. Dengan adanya pendekatan serta metode yang sesuai dengan masalah responden sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan beban dan masalah yang dihadapi oleh responden.

Di samping itu juga terdapat kepercayaan di kalangan responden terhadap kebolehan yang ditunjukkan oleh kaunselor dalam menangani masalah responden.

Dengan adanya pendekatan serta kebolehan yang ada pada kaunselor menjadikan responden berminat untuk meminta khidmat nasihat kaunselor. Dapatan kajian juga menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu 93.3 % daripada

responden yang mengakui selalu membuat pertemuan dengan kaunselor sekiranya menghadapi masalah sama ada masalah akademik, peribadi, sosial dan sebagainya. Ini menunjukkan UKK merupakan salah satu unit yang boleh menghasilkan sesuatu yang positif dalam membantu menyelesaikan masalah responden.